

# MPP UMS anjur Majlis Iftar Amal Ramadan

UB 13.6.16 PG

Oleh ALFRED PETRUS

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Majlis Iftar Amal Ramadan di Rumah Anak Kesayangan Sembulan, di sini Sabtu lepas.

Pengarah Program Majlis Iftar Amal Ramadan Rizlan Morsit berkata majlis itu bertujuan mengeratkan silaturahim antara masyarakat dan Rumah Anak Kesayangan.

“Sempena dengan bulan

yang mulia ini, program ini sesuai dilaksanakan yang mana objektif kami adalah untuk mengimarahkan lagi golongan tidak berkemampuan agar merasa nikmat Ramadhan bersama-sama.

“Selain itu, ia juga bertujuan mengeratkan lagi silaturahim antara sesama manusia serta membantu golongan memerlukan,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Majlis Pengetua Kolej (MAPEK) UMS Dr Mohd Nizam Nazarudin menjelaskan majlis itu bukan

sahaja dapat mengeratkan silaturahim antara sesama tetapi juga satu mekanisme yang baik pada bulan Ramadan.

“Majlis seumpama ini merupakan satu mekanisme yang baik kerana bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahim di antara umat Islam tetapi juga dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Tuhan.

“Sememangnya, majlis seumpamainiperludijalankan bagi menghargai anak-anak yatim sekaligus kita dapat bersama-sama untuk

menunaikan solat Maghrib, Isyak dan solat sunat Tarawih secara berjemaah,” katanya.

Majlis itu telah disertai seramai 88 pelajar daripada Rumah Anak Kesayangan, 15 kakitangan serta jemputan dari Maybank cawangan UMS, Jutana Cafe, dan Mini Mart yang telah memberi sumbangan untuk melaksanakan majlis berkenaan.

**BARISAN MPP UMS merakamkan gambar kenangan bersama pelajar Rumah Anak Kesayangan Sembulan.**

